

12 APR 2001

Umno-Pemilihan

ABDULLAH BAHARI KEKAL KETUA PEMUDA UNTUK PENGGAL KEEMPAT

PENDANG, 12 April (Bernama) -- Ketua Pemuda Umno Bahagian Pendang, Abdullah Bahari menerajui kepimpinan pemuda bahagian itu untuk empat penggal berturut-turut apabila dipilih lagi sebagai Ketua Pemuda Umno pada mesyuarat perwakilan pemuda bahagian itu di sini, hari ini.

Abdullah memenangi jawatan itu tanpa bertanding.

Beliau yang pernah dipilih sebagai calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lepas, sebelum ini memegang jawatan itu selama tiga penggal dengan bertanding.

Pada pilihan raya lepas Abdullah tewas kepada calon Pas, Mohd Taulan Rasul bagi kerusi dewan undangan negeri kawasan Bukit Raya.

Manakala bagi jawatan Naib Ketua Pemuda bahagian itu, Najmuddin Darus turut mengekalkan jawatannya tanpa bertanding kerana pencalonan lain untuk jawatan itu tidak mencukupi had untuk bertanding.

Sementara itu di SUNGAI PETANI, Azmi Abdul Rahim menang dalam pertandingan tiga penjurua untuk jawatan Ketua Pemuda Umno Bahagian Merbok dalam mesyuarat perwakilan pemuda bahagian itu.

Beliau menewaskan Nasaruddin Yusof dan Karim Ali.

Ketua Pemuda bahagian itu, Mokhzani Mahathir tidak bertanding untuk jawatan itu pada pemilihan kali ini, walaupun beliau belum lagi melepasi had umur untuk menerajui pemuda bahagian.

Bagi jawatan Naib Ketua, Poat Mahmud menewaskan Nordihan Ahmad.

-- BERNAMA

MNH ZB